

SURAH
GOLONGAN YANG BERSEKUTU



Surah: 33 Juzuk: 21/22 Bil. Ayat: 73

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. Wahai Nabi! Bertaqwalah kepada Allah, dan janganlah engkau patuhi kehendak orang kafir dan orang munafik. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.
2. Ikutilah apa yang diwahyukan kepadamu daripada Tuhanmu, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam apa yang kamu lakukan.
3. Serta bertawakallah kepada Allah dan cukuplah Allah sebagai Pentadbir urusanmu.
4. Allah tidak sama sekali menjadikan seseorang mempunyai dua hati dalam rongga dadanya. Dia tidak menjadikan isteri-isteri yang kamu «zihar⁽¹⁾» kan itu sebagai ibu kamu, Dia juga tidak menjadikan anak angkat kamu sebagai anak kamu sendiri. Itu hanyalah perkataan daripada

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يٰٓأَيُّهَا النَّبِيُّ اتَّقِ اللَّهَ وَلَا تُطِعِ الْكَافِرِينَ
وَالْمُنَافِقِينَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا
حَكِيمًا ﴿١﴾

وَاتَّبِعْ مَا يُوحَىٰ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ إِنَّ اللَّهَ
كَانَ يَمَّا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿٢﴾

وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ وَكِيلًا ﴿٣﴾

مَا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِ
وَمَا جَعَلَ أَرْوَاحَكُمْ أَلْفًا تُظَاهِرُونَ
مِنْهُنَّ أُمَّهَاتِكُمْ وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَاءَكُمْ
أَبْنَاءَكُمْ ذٰلِكُمْ قَوْلُكُمْ بِأَفْوَاهِكُمْ وَاللَّهُ
يَقُولُ الْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِي السَّبِيلَ ﴿٤﴾

1 Zihar ialah apa yang dikatakan seorang suami kepada isterinya: “Punggungmu haram bagiku kerana punggungmu seperti punggung ibuku” atau perkataan lain yang sama maksudnya. Telah menjadi adat orang Arab jahiliyah apabila dia berkata demikian kepada isterinya, maka isterinya itu haram baginya untuk selama-lamanya. Tetapi setelah Islam datang, maka yang haram selama-lama dihapuskan dan isteri-isteri itu kembali halal setelah membayar denda.

mulut kamu sahaja. Allah menerangkan apa yang benar dan Dialah jua yang memimpin ke jalan yang lurus.

5. Panggillah anak-anak angkat itu dengan menggunakan (nama) bapa-bapa mereka sendiri, itulah yang lebih adil di sisi Allah. Jika kamu tidak mengetahui bapa mereka, maka panggillah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai «maula-maula⁽¹⁾» kamu. Tidak ada dosa ke atasmu jika kamu tidak sengaja, tetapi (yang berdosa) apa yang disengajakan oleh hatimu. (Ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.
6. Nabi itu lebih utama bagi orang yang beriman daripada diri mereka sendiri, isteri-isterinya pula adalah menjadi ibu-ibu mereka. Orang yang mempunyai pertalian saudara, sebahagiannya lebih berhak (mewarisi) sebahagian yang lain daripada orang yang beriman dan orang Muhajirin, kecuali kalau kamu hendak melakukan kebaikan⁽²⁾ kepada saudara-saudara (seagama) kamu. Demikianlah telah tertulis di dalam kitab Allah.

أَدْعُوهُمْ لِأَبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ فَإِنْ لَمْ تَعْلَمُوا آبَاءَهُمْ فَاخْتَارُوا فِي الَّذِينَ وَمَوْلَايَكُمْ وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ بِهِ وَلَكِنْ مَا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٥﴾

الَّتِي أُولَىٰ بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنْفُسِهِمْ وَأَزْوَاجُهُ أُمَّهَاتُهُمْ وَأُولُو الْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُهَاجِرِينَ إِلَّا أَنْ تَفْعَلُوا إِلَىٰ أَوْلِيَائِكُمْ مَعْرُوفًا كَانَ ذَلِكَ فِي الْكِتَابِ مَسْطُورًا ﴿٦﴾

1 Iaitu hamba yang telah dimerdekakan atau seseorang yang telah dijadikan anak angkat. Misalnya Salim anak angkat Abu Huzaifah dipanggil maula Abi Huzaifah.

2 Melakukan kebaikan di sini ialah berwasiat lebih daripada sepertiga harta.

7. (Ingatlah) ketika Kami mengambil daripada para nabi (secara umum) perjanjian setia mereka, dan (secara khas) daripada engkau sendiri (wahai Muhammad), daripada Nuh, Ibrahim, Musa serta Isa ibni Maryam. Kami telah mengambil daripada mereka perjanjian setia yang teguh.
8. Agar Dia menyoal orang yang benar beriman tentang kebenaran iman mereka. Dia telah menyediakan bagi orang yang kafir azab yang sangat pedih.
9. Wahai orang yang beriman, ingatlah nikmat Allah yang dilimpahkanNya kepada kamu. Semasa kamu didatangi tentera (al-Ahzab), lalu Kami utuskan kepada mereka angin ribut serta angkatan tentera (daripada malaikat) yang kamu tidak dapat melihatnya. (Ingatlah), Allah sentiasa melihat apa yang kamu lakukan.
10. Sewaktu tentera musuh datang menyerang daripada bahagian atas dan bawah kamu. Ketika itu pandangan mata kamu tidak tentu arah serta hati pun resah gelisah, kamu masing-masing pula berprasangka terhadap Allah dengan pelbagai sangkaan.
11. Pada saat itulah diuji orang yang beriman, serta digoncangkan perasaan dan pendirian mereka dengan goncangan yang amat dahsyat.

وَأَخَذْنَا مِنْ النَّبِيِّينَ مِيثَاقَهُمْ وَمِنْكَ
وَمِنْ نُوحٍ وَإِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ
وَأَخَذْنَا مِنْهُم مِّيثَاقًا عَلِيمًا ﴿٧﴾

لَيْسَ لَ الصَّادِقِينَ عَنْ صِدْقِهِمْ وَأَعَدَّ
لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٨﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ
إِذْ جَاءَتْكُمْ جُنُودٌ فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا وَجُنُودًا
لَمْ تَرَوْهَا وَكَانَ اللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرًا ﴿٩﴾

إِذْ جَاءَهُمْ كُرُومٌ مِنْ فَوْقِهِمْ وَمِنْ أَسْفَلَ
مِنْكُمْ وَإِذْ زَاغَتِ الْأَبْصَارُ وَبَلَغَتِ
الْقُلُوبُ الْحَنَاجِرَ وَتَظُنُّونَ بِاللَّهِ الظُّنُونًا ﴿١٠﴾

هَذَا لِكِ ابْتِلَاءِ الْمُؤْمِنُونَ وَرُزِلُوا زِلًا لَآ
شَدِيدًا ﴿١١﴾

12. (Ingatlah) ketika orang munafik dan orang yang hatinya berpenyakit berkata: «Allah dan RasulNya tidak menjanjikan kepada kita melainkan tipu daya sahaja».
13. Segolongan di antara mereka berkata: «Wahai penduduk Yathrib, tidak ada tempat bagimu, maka pulanglah». Sebahagian pula meminta izin kepada Nabi (hendak balik) sambil berkata: «Sesungguhnya rumah-rumah kami terdedah (tidak dilindungi)», padahal ia tidak terdedah. Mereka hanya hendak melarikan diri (daripada berjuang).
14. Kalaulah tempat-tempat kediaman mereka itu diserang oleh musuh dari segenap penjurunya, kemudian mereka diajak berpaling tadah menentang Islam, sudah pasti mereka akan melakukannya, dan mereka tidak bertanggung lagi tentang itu melainkan sebentar sahaja.
15. Padahal sesungguhnya mereka telahpun mengikat janji dengan Allah sebelum itu, iaitu mereka tidak akan berpaling. (Ingatlah), janji setia dengan Allah itu akan ditanya kelak.
16. Katakanlah (wahai Muhammad): «Melarikan diri daripada (kematian atau daripada pembunuhan itu) tidak sama

وَإِذْ يَقُولُ الْمُنَافِقُونَ وَالَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ
مَّرَضٌ مَّا وَعَدَنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ إِلَّا غُرُورًا ﴿١٢﴾

وَإِذْ قَالَتْ طَائِفَةٌ مِّنْهُمْ يَا أَهْلَ يَثْرِبَ لَا مُقَامَ
لَكُمْ فَارْجِعُوا وَيَسْتَأْذِنُ فَرِيقٌ مِّنْهُمُ النَّبِيَّ
يَقُولُونَ إِنَّ بُيُوتَنَا عَوْرَةٌ وَمَا هِيَ بِعَوْرَةٍ
إِنَّ يُرِيدُونَ إِلَّا فِرَارًا ﴿١٣﴾

وَلَوْ دَخَلَتْ عَلَيْهِمْ مِّنْ أَقْطَارِهَا ثُمَّ سَأَلُوا
الْفِتْنَةَ لَآتَوْهَا وَمَا تَنْبَأُ بِهَا إِلَّا الْأَيْسَرُ ﴿١٤﴾

وَلَقَدْ كُفِّرْنَا عَنْهُمْ أَسْوَأَ الَّذِي كُفِّرْنَا عَنْهُ لَمَّا
آمَنُوا وَلَا يَتَذَكَّرُونَ ﴿١٥﴾

قُلْ لَنْ يَنْفَعَكُمْ الْفِرَارُ إِنْ فَرَرْتُمْ مِنَ الْمَوْتِ
أَوِ الْقَتْلِ وَإِذًا لَّأَنْتُمْ عَوْرَةٌ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٦﴾

sekali mendatangkan faedah kepada kamu. Sekalipun pada hari ini kamu terlepas, maka kamu tidak juga akan menikmati kesenangan hidup melainkan sekejap sahaja».

17. Katakanlah: «Siapakah yang dapat melindungi kamu daripada kemurkaan Allah jika Dia ingin menimpakan bencana kepada kamu, atau jika Dia hendak merahmati kamu?» Mereka (yang munafik) itu tidak akan mempunyai sesiapaupun selain daripada Allah yang akan menjadi pelindung atau penolong mereka.
18. Sesungguhnya Allah mengetahui orang yang menghalang di antara kamu, dan orang yang berkata kepada saudara-saudaranya: «Marilah bersama kami», tetapi mereka tidak datang berperang melainkan hanya sebentar.
19. Mereka bersikap bakhil terhadap kamu. Apabila datang ketakutan, engkau melihat mereka memandang kepadamu dengan mata yang berputar seperti orang yang pengsan semasa hampir mati. Kemudian apabila hilang perasaan takut itu, mereka mencela kamu dengan lidah yang tajam, sedang mereka bakhil untuk melakukan kebaikan. Mereka itu tidak beriman, lalu Allah hapuskan amalan mereka. Semua itu sangat mudah bagi Allah melaksanakannya.

قُلْ مَنْ ذَا الَّذِي يَعْصِمُكُمْ مِنَ اللَّهِ إِنْ أَرَادَ بِكُمْ سُوءًا أَوْ أَرَادَ بِكُمْ رَحْمَةً وَلَا يَجِدُونَ لَهُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ﴿٧﴾

﴿٧﴾ قَدْ يَعْلَمُ اللَّهُ الْمَعْوِفِينَ مِنْكُمْ وَالْقَائِلِينَ لِإِخْوَانِهِمْ هَلْهُمْ إِلَيَّنَا وَلَا يَأْتُونَ الْبَاسَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨﴾

أَشِيخَةً عَلَيْكُمْ إِذَا جَاءَ الْخَوْفُ رَأَيْتَهُمْ يَنْظُرُونَ إِلَيْكَ تَدُورًا عَيْنُهُمْ كَالَّذِي يُغْتَشَى عَلَيْهِ مِنَ الْمَوْتِ إِذَا ذَهَبَ الْخَوْفُ سَلَفُوكُمْ بِأَلْسِنَةٍ حِدَادٍ أَشِيخَةً عَلَى الْخَيْرِ أَوْلِيَّكَ لَمْ يُوْصُوا فَأَحْبَطَ اللَّهُ أَعْمَالَهُمْ وَكَانَ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرًا ﴿١٩﴾

20. Mereka menyangka bahawa tentera al-Ahzab⁽¹⁾ itu belum pergi. Kalaulah tentera al-Ahzab datang semula, pastilah mereka suka kalau mereka tinggal jauh di desa-desa bersama-sama orang Arab Badwi sambil bertanya berita tentang kamu. Dan kalau mereka ada bersama-sama kamu, mereka tidak akan ikut berperang melainkan sebentar sahaja.
21. Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu terdapat contoh ikutan yang baik buat kamu, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan rahmat Allah dan (kedatangan) hari akhirat, serta yang banyak mengingat Allah.
22. Pada masa orang yang beriman melihat tentera al-Ahzab, mereka berkata:» Inilah yang telah dijanjikan Allah dan RasulNya kepada kami dan benarlah Allah dan RasulNya». Semua itu hanya menambahkan keimanan dan keislaman mereka.
23. Di antara orang yang beriman itu ada yang menepati apa yang telah dijanjikannya kepada Allah. Di antara mereka ada yang gugur syahid dan ada yang menunggu-nunggu⁽²⁾. Mereka tidak mengubah apa yang mereka janjikan itu sedikitpun.

يَحْسَبُونَ الْأَحْزَابَ لَمْ يَذْهَبُوا وَإِنْ يَأْتِ
الْأَحْزَابَ يَوَدُّوا لَوْ أَنَّهُمْ بَادُونَ فِي
الْأَعْرَابِ يَسْتَأْذِنُونَ عَن نَّبَايِكُمْ وَلَوْ كُفُّوا
فِيكُمْ مَا قَاتَلُوا إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢٠﴾

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن
كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ
كَثِيرًا ﴿٢١﴾

وَلَمَّا رَأَى الْمُؤْمِنُونَ الْأَحْزَابَ قَالُوا هَذَا مَا
وَعَدَنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ، وَصَدَقَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ،
وَمَا زَادَهُمْ إِلَّا إِيمَانًا وَتَسْلِيمًا ﴿٢٢﴾

مِنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ
عَلَيْهِ فَمِنْهُمْ مَّنْ قَضَىٰ نَحْبَهُ، وَمِنْهُمْ مَّنْ
يَنْتَظِرُ وَمَا بَدَّلُوا تَبْدِيلًا ﴿٢٣﴾

1 golongan yang menjadi sekutu Arab dan Yahudi.

2 Mereka menunggu-nunggu apa yang telah Allah janjikan kepadanya.

24. Agar Allah membalas orang yang benar kerana kebenaran mereka dan menyeksa orang yang munafik jika Dia kehendaki, atau Dia menerima taubat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

لِيَجْزِيَ اللَّهُ الصَّادِقِينَ بِصِدْقِهِمْ
وَيُعَذِّبَ الْمُنَافِقِينَ إِن شَاءَ أَوْ يَتُوبَ
عَلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٤٤﴾

25. Allah telah menghalau orang kafir itu yang keadaan mereka penuh perasaan marah. Mereka tidak mendapat sebarang keuntungan. Dan Allah selamatkan orang yang beriman daripada peperangan itu. (Ingatlah) Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa.

وَرَدَّ اللَّهُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِغَيْبِهِمْ لَمْ يَنَالُوا
خَيْرًا وَكَفَى اللَّهُ الْمُؤْمِنِينَ الْقِتَالَ
وَكَانَ اللَّهُ قَوِيًّا عَزِيمًا ﴿٤٥﴾

26. Dia menurunkan golongan Ahli Kitab⁽¹⁾ yang membantu tentera musuh itu daripada benteng-benteng mereka. Dia memasukkan perasaan gerun dan takut di dalam hati mereka. Sebahagian daripadanya kamu bunuh, dan sebahagian lagi kamu tawan⁽²⁾.

وَأَنزَلَ الَّذِينَ ظَاهَرُوهُمْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ
مِنْ صَيَاصِيهِمْ وَقَذَفَ فِي قُلُوبِهِمُ الرُّعْبَ
فَرِيقًا تَقْتُلُونَ وَتَأْسِرُونَ فَرِيقًا ﴿٤٦﴾

27. Dia mewariskan kepada kamu tanah-tanah, rumah-rumah serta harta benda mereka, dan juga tanah-tanah (di negeri-negeri lain) yang belum kamu jejakinnya⁽³⁾. Dan (ingatlah Allah) Maha Berkuasa atas setiap sesuatu.

وَأَوْرَثَكُمْ أَرْضَهُمْ وَبَنَاتِهِمْ وَأَمْوَالَهُمْ
وَأَرْضًا لَمْ تَطَّوُّوهَا وَكَانَ اللَّهُ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرًا ﴿٤٧﴾

1 Iaitu Bani Quraizah.

2 Selepas golongan-golongan yang bersekutu itu kucar-kacir, Allah memerintahkan Rasulullah s.a.w untuk menghancurkan Bani Quraizah dan menghalau mereka dari benteng-benteng mereka. Kemudian seluruh lelaki yang ikut berperang dibunuh manakala perempuan dan anak-anak ditawan.

3 Tanah-tanah yang akan dimasuki dan ditakluki tentera Islam pada zaman-zaman selepas Rasulullah s.a.w.

28. Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu: «Sekiranya kamu semua inginkan kehidupan dunia dan perhiasannya, maka marilah aku berikan kepada kamu pemberian mut 'ah⁽¹⁾, dan aku ceraikan kamu dengan cara yang baik».
29. «Dan sekiranya kamu semua inginkan Allah dan RasulNya serta negeri akhirat, maka sesungguhnya Allah menyediakan bagi orang yang melakukan kebaikan di antara kamu pahala yang besar».
30. Wahai isteri-isteri Nabi, sesiapa di antara kamu yang melakukan sesuatu perbuatan keji (zina) yang nyata, pasti akan digandakan azab baginya dua kali ganda. Perkara itu sangat mudah bagi Allah melaksanakannya.
31. Sesiapa di antara kamu semua yang tetap taat kepada Allah dan RasulNya serta melakukan amalan soleh, Kami akan jadikan pahala amalannya itu dua kali ganda, serta Kami sediakan baginya rezeki yang mulia.
32. Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain sekiranya kamu tetap bertaqwa. Maka janganlah kamu berbicara dengan kata-kata yang manja

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لَأَزْوَاجِكُمْ إِن كُنْتُمْ تَرُدُّونَ
الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزِينَتَهَا فَتَعَالَيْتَ
أُمَمَعَكُمْ وَأَسْرَحَكُمْ سَرَاحًا جَمِيلًا ﴿٢٨﴾

وَإِن كُنْتُمْ تَرُدُّونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالَّذِينَ
الْآخِرَةَ فَإِنَّ اللَّهَ أَعَدَّ لِلْمُحْسِنَاتِ مِنكُمُ
أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٢٩﴾

يَا نِسَاءَ النَّبِيِّ مَن يَأْتِ مِنكُمُ بِفَاحِشَةٍ
مُّبِينَةٍ يُضَعَفْ بِهَا الْعَدَابُ ضِعْفَيْنِ
وَكَانَ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرًا ﴿٣٠﴾

* وَمَن يَفْعَلْهُنَّ لِيَّةً لِّلَّهِ وَرَسُولِهِ وَيَعْمَلْ
صَالِحًا نُؤْتِهِنَّ أَجْرَهَا مَرَّتَيْنِ وَأَعْتَدْنَا لَهَا
رِزْقًا كَرِيمًا ﴿٣١﴾

يَا نِسَاءَ النَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِّنَ النِّسَاءِ
إِنِ اتَّقَيْتُنَّ فَلَا تَحْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي
فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَعْرُوفًا ﴿٣٢﴾

1 Mut'ah ialah suatu pemberian saguhati yang diberikan kepada perempuan yang telah diceraikan mengikut kemampuan suami.

kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya, ucapkanlah perkataan yang baik.

33. Hendaklah kamu tetap di rumah kamu dan janganlah kamu berhias seperti yang dilakukan oleh orang Jahiliyah zaman dulu. Dirikanlah solat serta tunaikanlah zakat dan taatilah Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu wahai «AhlulBait⁽¹⁾» dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya.

34. Ingatlah (serta amalkanlah) apa yang dibaca di rumah kamu daripada ayat-ayat Allah dan hikmah (hadis-hadis Rasulullah). Sesungguhnya Allah Maha Lembut lagi Maha Mendalam Pengetahuannya.

35. Sesungguhnya lelaki muslim serta perempuan muslimah, lelaki yang beriman serta perempuan yang beriman, lelaki yang taat serta perempuan yang taat, lelaki yang benar serta perempuan yang benar, lelaki yang sabar serta perempuan yang sabar, lelaki yang merendahkan diri serta perempuan yang merendahkan diri, lelaki yang bersedekah serta perempuan yang bersedekah, lelaki yang

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ
الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَىٰ وَأَقِمْنَ الصَّلَاةَ
وَأَتِينَ الزَّكَاةَ وَأَطِعْنَ اللَّهَ
وَرَسُولَهُ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ
الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

وَأَذْكُرْنَ مَا يُتْلَىٰ فِي بُيُوتِكُنَّ
مِنَ آيَاتِ اللَّهِ وَالْحِكْمَةِ إِنَّ اللَّهَ
كَانَ لَطِيفًا خَبِيرًا ﴿٣٤﴾

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَانِتِينَ
وَالْقَانِتَاتِ وَالصَّادِقِينَ وَالصَّادِقَاتِ
وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرَاتِ وَالْحَاشِعِينَ
وَالْحَاشِعَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ
وَالصَّابِغِينَ وَالصَّابِغَاتِ وَالْحَافِظِينَ
فُرُوجَهُمُ وَالْحَافِظَاتِ وَالذَّاكِرِينَ
اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ
أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٣٥﴾

1 ahli keluarga Rasulullah s.a.w.

berpuasa serta perempuan yang berpuasa, lelaki yang memelihara kehormatannya serta perempuan yang memelihara kehormatannya, dan lelaki yang menyebut nama Allah sebanyak-banyaknya serta perempuan yang menyebut nama Allah sebanyak-banyaknya, Allah telah menyediakan bagi mereka semua keampunan dan pahala yang besar.

36. Orang yang beriman - lelaki dan perempuan - apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan tentang sesuatu perkara, maka mereka tidak mempunyai hak memilih ketetapan sendiri tentang urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak mentaati Allah dan RasulNya maka sesungguhnya dia telah tersesat dengan kesesatan yang nyata.

37. (Ingatlah wahai Muhammad) ketika engkau berkata kepada orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah dan yang engkau juga telah melakukan kebaikan kepadanya⁽¹⁾: «Jangan ceraikan isterimu itu dan bertaqwalah kepada Allah», sedangkan engkau menyembunyikan di dalam hatimu perkara yang Allah akan nyatakan kerana engkau takut kepada

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا لِمُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

وَإِذْ تَقُولُ لِلَّذِي أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَأَنْعَمْتَ عَلَيْهِ أَمْسِكْ عَلَيْكَ زَوْجَكَ وَاتَّقِ اللَّهَ وَتُخْفِي فِي نَفْسِكَ مَا اللَّهُ مُبْدِيهِ وَتَخْشَى النَّاسَ وَاللَّهُ أَحَقُّ أَنْ تَخْشَاهُ فَلَمَّا قَضَى زَيْدٌ مِنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَاكَ الْكَلِيَّ لَا يَكُونُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ حَرَجٌ فِي أَنْزِلِ عَلَيْهِمْ إِذَا قَضَوْا مِنْهُنَّ وَطَرًا وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ مَفْعُولًا ﴿٣٧﴾

1 Iaitu Zaid bin Harithah r.a, Allah telah melimpahkan nikmat kepadanya dengan mengurniakan hidayah Islam. Rasulullah s.a.w juga memberi nikmat kepadanya dengan menjadikannya sebagai anak angkat. Ayat ini memberikan pengertian bahawa seseorang itu boleh mengahwini bekas isteri anak angkatnya.

manusia, padahal Allah yang lebih berhak engkau takuti. Kemudian setelah Zaid mengakhiri keperluan terhadap isterinya (dengan menceraikannya), Kami kahwinkan engkau dengannya (Zainab) supaya orang yang beriman tidak rasa berat hati untuk berkahwin dengan isteri anak-anak angkat mereka apabila anak-anak angkat itu telah menyelesaikan keperluannya terhadap isterinya (lalu menceraikannya). Dan ketetapan Allah itu pasti terjadi.

38. Tidak ada sebarang keberatan yang ditanggung oleh Nabi dalam melaksanakan perkara yang telah ditetapkan Allah baginya. (Yang demikian itu) adalah mengikut peraturan Allah yang tetap, ia juga berlaku kepada para nabi yang telah lalu. (Ingatlah) perintah Allah itu adalah satu ketetapan yang ditentukan pasti berlaku.
39. (Iaitu) orang yang menyampaikan syariat Allah serta mereka takut melanggar perintahNya. Mereka tidak takut kepada sesiapa pun melainkan Allah. Cukuplah Allah sebagai pembuat perhitungan.
40. Muhammad itu bukanlah bapa yang sebenar bagi seseorang daripada orang lelaki kamu⁽¹⁾, tetapi dia adalah Rasul Allah dan penamat semua para

مَا كَانَ عَلَى النَّبِيِّ مِنْ حَرَجٍ فِيمَا فَرَضَ اللَّهُ لَهُ سُنَّةَ اللَّهِ فِي الَّذِينَ خَلَوْا مِنْ قَبْلُ وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ قَدَرًا مَقْدُورًا ﴿٣٨﴾

الَّذِينَ يُبَلِّغُونَ رِسَالَاتِ اللَّهِ وَيَحْشَوْنَهُ وَلَا يَخْشَوْنَ أَحَدًا إِلَّا اللَّهَ وَكُنْ بِاللَّهِ حَسِيبًا ﴿٣٩﴾

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِنْ رِجَالِكُمْ وَلَكِنْ رَسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٤٠﴾

1 Rasulullah s.a.w bukanlah ayah kepada salah seorang sahabat, kerana itu bekas isteri Zaid r.a boleh dikahwini oleh Rasulullah s.a.w.

nabi. (Ingatlah), Allah Maha Mengetahui setiap sesuatu.

41. Wahai orang yang beriman, ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya.
42. Dan bertasbihlah kamu kepadaNya pada waktu pagi dan petang.
43. Dialah yang merahmati kamu dan malaikatNya pula (berdoa bagi kamu) untuk mengeluarkan kamu daripada kegelapan kepada cahaya. Dia Maha Penyayang kepada orang yang beriman.
44. Sambutan penghormatan yang akan diberikan Allah kepada mereka semasa menemuiNya ialah ucapan: «Salam», dan Dia telah menyediakan bagi mereka ganjaran pahala yang mulia.
45. Wahai Nabi, sesungguhnya Kami mengutuskanmu sebagai saksi dan pembawa berita gembira (kepada orang yang beriman) serta pemberi peringatan (kepada orang yang ingkar).
46. Juga sebagai penyeru kepada agama Allah dengan izinNya dan sebagai lampu yang menerangi.
47. (Dengan itu) sampaikanlah berita gembira kepada orang yang beriman, bahawa sesungguhnya mereka akan mendapat kurniaan yang besar daripada Allah.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾

وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٤٢﴾

هُوَ الَّذِي يُصَلِّي عَلَيْكُمْ وَمَلَائِكَتُهُ
يُخْرِجُكُمْ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ وَكَانَ
بِالْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا ﴿٤٣﴾

يَجِيئُهُمْ نَوْمٌ يَلْقَوْنَهُ وَسَلَامٌ وَأَعَدَّ لَهُمْ أَجْرًا
كَبِيرًا ﴿٤٤﴾

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَهِيدًا وَمُبَشِّرًا
وَنَذِيرًا ﴿٤٥﴾

وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا ﴿٤٦﴾

وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ بِأَنَّ لَهُم مِّنَ اللَّهِ فَضْلًا
كَبِيرًا ﴿٤٧﴾

48. Janganlah engkau mengikut kehendak orang kafir dan orang munafik dan janganlah engkau hiraukan celaan mereka, bertawakallah kepada Allah dan cukuplah Allah sebagai Pelindung.
49. Wahai orang yang beriman, apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu menceraikan mereka sebelum kamu menyentuhnya, maka tiadalah kamu berhak terhadap mereka sebarang idah yang kamu patut menghitungkan masanya. Maka berilah «mut 'ah» (pemberian sagu hati) kepada mereka dan lepaskanlah mereka dengan cara yang sebaik-baiknya.
50. Wahai Nabi, sesungguhnya Kami telah halalkan bagimu isteri-isteri yang engkau berikan mas kahwin mereka, serta hamba-hamba perempuan yang engkau miliki yang telah dikurniakan Allah kepadamu sebagai tawanan perang. (Kami juga telah halalkan bagimu berkahwin dengan sepupu-sepupumu, iaitu:) anak-anak perempuan bapa saudaramu (daripada sebelah bapa), anak-anak perempuan emak saudaramu (daripada sebelah bapa), anak-anak perempuan bapa saudaramu (daripada sebelah ibu) serta anak-anak perempuan emak saudaramu

وَلَا تَطِيعِ الْكٰفِرِيْنَ وَالْمُنٰفِقِيْنَ وَدَعِ اٰذَنَهُمْ
وَتَوَكَّلْ عَلَى اللّٰهِ وَكَفَى بِاللّٰهِ وَكِيلًا ﴿٤٨﴾

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا اِذَا نَكَحْتُمُ الْمُؤْمِنٰتِ
تَمَّ طَلَقَهُنَّ مِنْ قَبْلِ اَنْ تَمْسُوْهُنَّ فَمَا
لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ عَدُوٍّ تَعْتَدُوْنَهَا فَمَتَّعُوْهُنَّ
وَسَرَّحُوْهُنَّ سَرَاحًا جَمِيْلًا ﴿٤٩﴾

يٰۤاَيُّهَا النَّبِيُّ اِنَّا اَحْلَلْنَا لَكَ اَزْوَاجَكَ الَّتِيْ
ءَاتَيْتَ اَجْرَهُنَّ وَمَا مَلَكَتْ يَمِيْنُكَ وَمِمَّا
اَقَاءَ اللّٰهُ عَلَيْكَ وِبَنٰتِ عَمِّكَ وَبَنٰتِ
عَمَّتِكَ وَبَنٰتِ خَالَكَ وَبَنٰتِ خَالَتِكَ الَّتِيْ
هَاجَرْنَ مَعَكَ وَاَمْرًا مُّؤَمَّنَةً اِنْ وَهَبْتَ
نَفْسَهَا لِلنَّبِيِّ اِنْ اَرَادَ النَّبِيُّ اَنْ يَسْتَنْكِحَهَا
خَالِصَةً لَّكَ مِنْ دُوْنِ الْمُؤْمِنِيْنَ ۗ قَدْ
عَلِمْنَا مَا فَرَضْنَا عَلَيْهِمْ فِيْ اَزْوَاجِهِمْ
وَمَا مَلَكَتْ اَيْمَانُهُمْ لِكَيْلَا يَكُوْنَ
عَلَيْكَ حَرَجٌ ۗ وَكَانَ اللّٰهُ عَٰلِمًا
رَّحِيْمًا ﴿٥٠﴾

(daripada sebelah ibu) yang telah berhijrah bersama-sama denganmu. (Kami telah halalkan bagimu) mana-mana perempuan beriman yang menyerahkan dirinya kepada Nabi (untuk dikahwini dengan tidak membayar maskahwin), kalaulah Nabi ingin mengahwininya. Perkahwinan sebegitu hanya khas bagimu semata-mata, bukan bagi orang yang beriman umumnya. Sesungguhnya Kami telah mengetahui apa yang Kami wajibkan kepada orang yang beriman mengenai isteri-isteri dan hamba-hamba perempuan yang mereka miliki, supaya tidak memberatkanmu. (Ingatlah), Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

51. Engkau boleh menanggukkan⁽¹⁾ sesiapa yang engkau kehendaki daripada mereka dan engkau boleh mendampingi sesiapa yang engkau kehendaki. Tidaklah salah bagimu untuk kembali mendampingi mereka yang telah engkau jauhi itu. Kebebasan yang diberikan kepadamu itu (bila

﴿ تُرْجَىٰ مِنْ نَسَاءِ مَنْهُنَّ وَتُفَوِّئُ إِلَيْكَ مِنْ نَسَاءِ وَمَنْ ابْتَغَيْتَ وَمَنْ عَزَلْتَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكَ ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَنْ تَقْرَءَ عَيْنَهُنَّ وَلَا يُخْرَجْنَ وَيَرْضَيْنَ بِمَاءِ انْتَبِهِنَّ كُلُّهُنَّ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِي قُلُوبِكُمْ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَلِيمًا ﴿٥١﴾

1 Telah diriwayatkan bahawa pada suatu ketika, isteri-isteri Rasulullah s.a.w ada yang cemburu dan ada yang meminta tambahan nafkah. Maka Rasulullah s.a.w memutuskan perhubungan dengan mereka sampai sebulan lamanya sebagai hukuman. Oleh kerana takut diceraikan Rasulullah s.a.w, maka mereka datang kepada Rasulullah s.a.w dan menyatakan kerelaannya atas apa saja tindakan yang akan diambil terhadap mereka. Turunnya ayat ini memberikan keizinan kepada Rasulullah s.a.w untuk menggauli siapa yang dikehendaknya daripada isteri-isteri baginda atau tidak menggaulinya dan juga memberi keizinan kepada Rasulullah s.a.w untuk rujuk seandainya ada di antara isteri-isteri baginda yang telah diceraikan.

diketahui oleh mereka) adalah lebih menenangkan hati mereka, dan menjadikan mereka tidak bersedih hati, serta menjadikan mereka reda dengan apa yang engkau lakukan kepada mereka semuanya. (Ingatlah), Allah sedia mengetahui apa yang ada dalam hati kamu dan Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha Penyantun.

52. Tidak halal bagimu berkahwin dengan perempuan-perempuan lain selepas (isteri-isterimu yang ada) itu. Engkau juga tidak boleh menggantikan mereka dengan isteri-isteri yang baru sekalipun engkau tertarik hati kepada kecantikan mereka, kecuali hamba-hamba perempuan yang engkau miliki. (Ingatlah) Allah sentiasa Mengawasi setiap sesuatu.
53. Wahai orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke rumah Nabi (menunggu makanan masak kerana hendak makan bersama) kecuali kamu dijemput untuk menghadiri jamuan, bukan dengan menunggu-nunggu masa sajiannya. Tetapi apabila kamu dijemput maka masuklah (pada waktu yang ditetapkan), kemudian setelah kamu makan maka hendaklah masing-masing bersurai dan janganlah duduk bersenang-senang sambil berbual-bual. Sesungguhnya keadaan itu menyakiti dan menyusahkan

لَا يَحِلُّ لَكَ النِّسَاءُ مِنْ بَعْدُ وَلَا أَنْ تَبَدَّلَ
بِهِنَّ مِنْ أَزْوَاجٍ وَلَوْ أَعْجَبَكَ حُسْنُهُنَّ إِلَّا
مَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ وَكَانَ اللَّهُ عَلَى
كُلِّ شَيْءٍ رَاقِبًا ﴿٥٢﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتَ النَّبِيِّ
إِلَّا أَنْ يُدْعَبَ لَكُمْ إِلَى طَعَامٍ غَيْرَ نَظِيرٍ
إِنَّهُ وَلَكِنَّ إِذَا دُعِيتُمْ فَادْخُلُوا فَإِذَا
طَعِمْتُمْ فَانْصَرُّوا وَلَا مُسْتَنْبِينَ لِحَدِيثٍ
إِنَّ ذَٰلِكُمْ كَانَ يُؤْذِي النَّبِيَّ فَيَسْتَحْيِيهِ
مِنْكُمْ وَاللَّهُ لَا يَسْتَحْيِيهِ مِنَ الْحَقِّ وَإِذَا
سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَاعًا فَاسْأَلُوهُنَّ مِنْ وَرَاءِ
حِجَابٍ ذَٰلِكُمْ أَطْهَرُ لِقُلُوبِكُمْ
وَقُلُوبِهِنَّ وَمَا كَانَ لَكُمْ أَنْ تُؤْذُوا رَسُولَ
اللَّهِ وَلَا أَنْ تَنْكَرُوا مِنْ بَعْدِهِ أَبَدًا إِنَّ
ذَٰلِكُمْ كَانَ عِنْدَ اللَّهِ عَظِيمًا ﴿٥٣﴾

Nabi sehingga dia merasa malu (hendak menyatakan hal itu) kepada kamu, sedangkan Allah tidak malu untuk menyatakan kebenaran. Dan apabila kamu meminta sesuatu yang harus diminta daripada isteri-isteri Nabi maka mintalah kepada mereka dari sebalik tabir. Cara yang demikian lebih suci bagi hati kamu dan hati mereka. Kamu tidak boleh sama sekali menyakiti Rasulullah dan tidak boleh berkahwin dengan isteri-isterinya selepas kewafatannya selamalamanya. Sesungguhnya itu semua adalah amat besar dosanya di sisi Allah.

54. (Berhati-hatilah kerana) jika kamu nyatakan sesuatu atau kamu sembunyikannya, maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui segala-galanya.
55. Tidak ada salahnya kepada perempuan-perempuan (yang tidak berpakaian menutup aurat) untuk menemui bapa-bapa mereka, anak-anak lelaki mereka, saudara-saudara lelaki mereka, anak-anak lelaki kepada saudara lelaki mereka, anak-anak lelaki kepada saudara perempuan mereka, perempuan-perempuan seislam, serta hamba-hamba yang dimiliki oleh mereka. Bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah sentiasa Menyaksikan setiap sesuatu.

إِنْ تُبْدُوا شَيْئًا أَوْ تُخْفُوهُ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٥٤﴾

لَا جُنَاحَ عَلَيْهِنَّ فِيءِ آبَائِهِنَّ وَلَا أَبْنَائِهِنَّ وَلَا إِخْوَانِهِنَّ وَلَا بَنَاتِهِنَّ وَلَا إِخْوَانِهِنَّ وَلَا نِسَائِهِنَّ وَلَا مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ ۚ وَاتَّقِينَ اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدًا ﴿٥٥﴾

56. Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat kepada Nabi (Muhammad)⁽¹⁾. Wahai orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.
57. Sesungguhnya orang yang melakukan perkara yang tidak diredai Allah dan RasulNya, Allah melaknat mereka di dunia dan di akhirat, serta menyediakan bagi mereka azab yang menghinakan.
58. Orang yang menyakiti lelaki dan perempuan yang beriman dengan tuduhan sesuatu yang tidak mereka lakukan, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan menuduh secara dusta, serta melakukan dosa yang amat nyata.
59. Wahai Nabi, suruhlah isteri-isteri dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan jilbab⁽²⁾ mereka bagi menutup seluruh tubuh (semasa mereka keluar). Cara yang demikian lebih sesuai bagi mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. (Ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا مُهِمًّا ﴿٥٧﴾

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بَغَيْرِ مَا كَسَبُوا فَقَدْ احْتَمَلُوا بُهْتَانًا وَإِنَّمَا مُبِيحَاتٌ ﴿٥٨﴾

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لَأَرْوِّحُنَّ بَنَاتِكَ وَنِسَاءَ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِبْنَ عَلَىٰ هُنَّ مِنْ جَلْبَابِهِنَّ ذَلِكَ آدْنَىٰ أَنْ يَعْرِفْنَ فَلَا يُؤْذِينَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَفُورًا رَحِيمًا ﴿٥٩﴾

1 Selawat daripada Allah bererti “memberi rahmat,” daripada malaikat bererti “meminta keampunan”, dan kalau daripada orang yang beriman bererti “berdoa supaya diberi rahmat”.

2 Jilbab ialah sejenis baju yang longgar menutupi seluruh aurat wanita.

60. Sesungguhnya jika orang munafik dan orang yang berpenyakit (ragu-ragu) dalam hatinya, serta orang yang menyebarkan berita-berita dusta di Madinah itu tidak berhenti (daripada perbuatan keji masing-masing), pastilah Kami akan mendesakmu memerangi mereka. Selepas itu mereka tidak akan tinggal berjiran denganmu di Madinah lagi melainkan sebentar sahaja.
61. Mereka tetap dilaknat. Di mana sahaja mereka ditemui, mereka akan ditangkap dan dibunuh habis-habisan.
62. Semua itu adalah mengikut «sunnatullah»⁽¹⁾ yang telah lalu dan engkau tidak sama sekali akan mendapati sebarang perubahan bagi «sunnatullah» itu.
63. Manusia bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang kedatangan hari kiamat, katakanlah: «Sesungguhnya pengetahuan tentangnya hanyalah di sisi Allah». Dan tahukah engkau, barangkali waktunya sudah dekat.
64. Sesungguhnya Allah telah melaknat orang kafir dan menyediakan bagi mereka api neraka yang marak menjulang.
65. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Mereka tidak akan memperolehi sesiapaupun sebagai pelindung atau penolong.

﴿لَيْنَ لَوَيْتَهُ الْمُنَافِقُونَ وَالَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ وَالْمُرْجِفُونَ فِي الْمَدِينَةِ لَنُغْرِبَنَّكَ بِهِمْ ثُمَّ لَا يُجَاوِرُونَكَ فِيهَا إِلَّا قَلِيلًا﴾^(٦٠)

﴿مَاعُونٍ بَلَّغُوا آيَاتِنَا فَفُتِنُوا أَخَذُوا وَقْتَهُمْ لَنُغْرِبَنَّكَ﴾^(٦١)

﴿سُنَّةَ اللَّهِ فِي الَّذِينَ خَلَوْا مِنْ قَبْلُ وَلَنْ يَجِدَ لِسُنَّةِ اللَّهِ تَبْدِيلًا﴾^(٦٢)

﴿يَسْأَلُكَ النَّاسُ عَنِ السَّاعَةِ قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّ السَّاعَةَ تَكُونُ قَرِيبًا﴾^(٦٣)

﴿إِنَّ اللَّهَ لَعَنَ الْكَافِرِينَ وَأَعَدَّ لَهُمْ سَعِيرًا﴾^(٦٤)

﴿خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا لَا يَجِدُونَ وِلْيَاءَ وَلَا نَصِيرًا﴾^(٦٥)

1 Undang-undang peraturan Allah

66. Sewaktu wajah mereka dibolak-balikkan di dalam neraka, mereka berkata (dengan sesalnya): «Alangkah baiknya kalau kami dahulu mentaati Allah dan RasulNya.
67. Mereka berkata lagi: «Wahai Tuhan kami, sesungguhnya kami telah mematuhi kehendak ketua-ketua dan orang besar kami, lalu mereka menyesatkan kami daripada jalan yang benar.
68. «Wahai Tuhan kami, berilah mereka azab dua kali ganda dan laknatilah mereka dengan laknat yang sangat besar!»
69. Wahai orang yang beriman, janganlah kamu menjadi seperti orang (Yahudi) yang telah menyakiti Musa, lalu Allah membersihkannya daripada segala tuduhan yang mereka katakan, dia adalah seorang yang mulia di sisi Allah.
70. Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan ucapkanlah perkataan yang tepat dan benar (dalam segala perkara).
71. Supaya Dia memperbaiki amalan-amalan kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu. (Ingatlah) sesiapa yang mentaati Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya Dia telah berjaya mencapai kejayaan yang terbesar.

يَوْمَ نُقَلِّبُ وُجُوهُهُمْ فِي النَّارِ يَقُولُونَ يَا لَيْتَنَا أَطَعْنَا اللَّهَ وَأَطَعْنَا الرَّسُولَ ﴿٦٦﴾

وَقَالُوا رَبَّنَا إِنَّا أَطَعْنَا سَادَتَنَا وَكِبَرَاءَنَا فَأَصَلَّوْنَا السَّبِيلَ ﴿٦٧﴾

رَبَّنَا آتِنَاهُمْ لِقَابَ الَّذِي نَدَبُوا بِرَبِّنَا وَمِنَ الْعَذَابِ مَا لَعَنَّا كِبرًا ﴿٦٨﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا كَالَّذِينَ ءَادُوا مُوسَى فَبَرَّأَهُ اللَّهُ مِمَّا قَالُوا وَكَانَ عِنْدَ اللَّهِ وَجِيهًا ﴿٦٩﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَفُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾

يُصْلِحْ لَكُمْ ءَعْمَلَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

72. Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah⁽¹⁾ (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), namun mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat melaksanakannya. (Pada ketika itu) manusia sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan perkara-perkara bodoh (terhadap diri sendiri).
73. (Dengan kesanggupan manusia memikul amanah itu maka) akibatnya Allah akan menyiksa lelaki yang munafiq serta perempuan yang munafik, lelaki yang musyrik serta perempuan yang musyrik, Allah juga akan menerima taubat lelaki yang beriman serta perempuan yang beriman. Sememangnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ
وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا
وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

لِيُعَذِّبَ اللَّهُ الْمُنَافِقِينَ وَالْمُنَافِقَاتِ
وَالْمُشْرِكِينَ وَالْمُشْرِكَاتِ وَيَتُوبَ
اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَكَانَ اللَّهُ
عَفُورًا رَحِيمًا ﴿٧٣﴾

1 Amanah di sini ialah tugas-tugas keagamaan.